

## PERBANDINGAN INVENTORI FONEM DIALEK UTARA DENGAN DIALEK CHAROK KUDONG DI KAWASAN PENDANG KEDAH

Zuliana Zubir

Kolej Universiti Islam Perlis

Tel: +6018-4700452

E-mail: [zuliana@kuips.edu.my](mailto:zuliana@kuips.edu.my)

Zaliza Zubir

Universiti Malaysia Perlis

Tel: +6013-420 1344

E-mail: [zaliza@unimap.edu.my](mailto:zaliza@unimap.edu.my)

### ABSTRAK

Dialek ialah variasi daripada sesuatu bahasa yang digunakan dalam pertuturan oleh sekumpulan penutur si sesebuah tempat. Umumnya kita mengetahui bahawa dialektologi ialah kajian tentang dialek (Chambers dan trudgill 1980). Walau bagaimanapun dialek itu sendiri masih menimbulkan berbagai-bagai persoalan. Ada yang berpendapat bahawa dialek merupakan bentuk bahasa yang hanya dikaitkan dengan para petani dan golongan termiskin ( Bloomfield 1933), atau golongan-golongan yang berstatus rendah. Ada pula yang mengaitkan dialek dengan daerah penggunaanya. Dialek juga sering dikatakan digunakan di kawasan-kawasan yang terpencil dan tidak mempunyai bentuk tulisan. Malah ada juga yang mengatakan dialek sebagai bentuk yang menyimpang daripada bentuk bahasa standard ataupun bentuk baku. Pandangan ini ternyata suatu pandangan elitis atau pandangan ‘asing’ yang melihat perbezaan antara bahasa dengan dialek hanya berdasarkan kedudukan atau kekuasaan, pendidikan, serta kawasan tempat tinggal penggunanya. Pandangan tersebut merupakan suatu ‘bias’ dan tidak dapat dipertahankan dari sudut linguistik. Oleh yang demikian, kini semakin banyak ahli bahasa mengemari istilah ragam atau variasi dengan pengertian satu-satu bahasa tertentu yang dianggap atau dapat dianggap sebagai satu entiti. Manakala istilah aksen pula digunakan dengan maksud cara sebutan seseorang penutur. Oleh hal yang demikian, kaitan sesuatu ragam dari segi fonetik dan atau fonologinya berbeza daripada ragam-ragam yang lain. Sebaliknya, istilah dialek merujuk kepada ragam-ragam bahasa dari segi tatabahasa ( dan mungkin juga leksikal) serta fonologinya, berbeza daripada ragam-ragam yang lain ( Chambers dan Trudgill 1980:5). Dalam kertas kerja ini pengkaji telah menjalankan kajian perbandingan fonetik di antara dialek Utara dengan dialek Cahrok Kudong di kawasan Pendang Kedah. Kajian ini berfokuskan kepada satu objektif utama yang berfokuskan kepada perbandingan inventori fonem yang melibatkan kedua-dua dialek. Dalam objektif ini pengkaji cuba mengkaji dari aspek bunyi vokal dan kosonan. Kajian ini telah menunjukkan banyak persamaan dan perbezaan dari pelbagai aspek linguistiknya.

**Kata Kunci :** Inventori Fonem, Dialek

### 1. Pengenalan

Bahasa merupakan alat perhubungan yang penting dalam kehidupan manusia sehari-hari pada masa dahulu sehingga sekarang. Bahasa juga terdiri daripada sekumpulan dialek. Melalui bahasalah manusia dapat berinteraksi antara satu sama lain dan dapat melahirkan perasaan, pendapat, keinginan dan sebagainya. Menurut Simanjuntak (1980) bahasa adalah satu struktur yang unik yang terdiri daripada bunyi ucapan yang dipilih dan disusun secara sewenang-wenangnya untuk digunakan sebagai alat perhubungan manusia sehari-hari.

Tanpa bahasa, manusia tidak dapat berhubung dengan baik antara satu sama lain. Ada kemungkinan juga bahasa isyarat boleh digunakan tetapi bahasa isyarat menjadi sukar diterima atau disampaikan jika seseorang itu tidak memahami bahasa isyarat yang disampaikan. Oleh yang demikian, untuk berhubung antara satu sama lain bagi manusia normal sifatnya maka bahasa memainkan peranan penting. Tanpa bahasa, sesuatu maklumat sukar disampaikan atau mendapat maklum balas. Setiap bahasa ada variasi atau kelainan yang tersendiri.

Di Malaysia, konsep dialek ini secara umumnya dikaitkan dengan ragam pertuturan yang didasarkan pada daerah atau kawasan pertuturnya sendiri. Selain itu, pada suatu ketika dahulu, istilah bahasa daerah atau loghat daerah digunakan (Nik Safiah Karim 1965).

Sebenarnya, istilah dialek berasal dari perkataan Yunani ‘*Dialektos*’ iaitu ‘*Manner of Speech*’ yang pada mulanya digunakan dalam hubungannya dengan bahasa Yunani itu sendiri (Ayatrohaedi 1979:1).

Banyak bahasa yang merangkumi dialek-dialek daripada bahasa tersebut menggunakan nama negeri dan daerah kumpulan penutur. Contohnya di Semenanjung Malaysia terdapat dialek Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Johor, Pahang, dan banyak lagi mengikut kawasan atau negeri. Pembahagian ini bukanlah semata-mata kerana sempadan politik tetapi dengan merujuk kepada perbezaan dari pelbagai aspek bahasa. Di samping itu, terdapat juga dialek suku kaum terutamanya di Malaysia Timur. Dialek yang pelbagai ini pula wujud disebabkan oleh beberapa faktor seperti faktor geografi, politik, penjajahan, perdagangan, masa dan seumpamanya (Abdul Hamid Mahmood, 1982: 339).

Dialek daerah juga merupakan satu kelainan daripada satu bahasa yang terbit daripada perbezaan aspek pengucapan sekumpulan penutur tersebut yang dipengaruhi oleh alam sekitarnya (Asmah Haji Omar, 1985:25). Dialek sosial pula merujuk kepada kelas sosial dan tingkat pendidikan penuturnya. Dialek Melayu adalah satu bentuk bahasa yang digunakan oleh orang Melayu untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Dialek Melayu boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu dialek Melayu berdasarkan seketika atau masa, masyarakat, daerah atau kedudukan.

Selain itu, dialek Melayu mempunyai bentuk tertentu yang dituturkan dalam kawasan tertentu dan berlainan daripada bentuk standard, baik dari segi fonologi serta tatabahasa atau penggunaan kata-kata tertentu, tetapi kelainan tersebut tidak besar untuk dianggap sebagai bahasa yang lain.

Dengan demikian dialek kerap dianggap sebagai “non standard” atau “substandard” yang wujud di luar sesuatu bahasa. Anggapan ini timbul kerana dialek dikategorikan sebagai sesuatu bentuk bahasa yang berstatus rendah dan bersifat kedesaan. Istilah ‘dialek’ lazimnya dikaitkan dengan bentuk bahasa yang dituturkan oleh penduduk yang tinggal di kawasan terpencil di dunia yang tidak mempunyai bentuk tulisannya. Dialek dianggap sebagai satu bentuk yang menyimpang daripada bentuk bahasa yang betul atau standard. Demikian pengertian dan huraian tentang dialek menurut Chambers dan Trudgill (1990:3).

Pada umumnya, dialek ialah satu bentuk bahasa yang substandard, berstatus rendah dan bersifat kedesaan. Dialek juga dikaitkan dengan masyarakat tani, kelas pekerja atau golongan lain yang tidak bertaraf tinggi. Dialek lazimnya dikaitkan dengan bentuk bahasa yang dituturkan oleh penduduk yang tinggal di kawasan terpencil. Dialek dianggap sebagai bentuk yang menyimpang daripada sesuatu yang norma, iaitu satu persimpangan daripada bentuk bahasa yang betul atau standard (Chambers dan Trudgill, 1990:3).

Selain dialek, aspek fonologi juga diberikan keutamaan dalam kajian ini dengan merujuk kepada Fonologi Generatif (FG). Fonologi merupakan satu bidang linguistik yang mengkaji sistem bunyi yang mempunyai fungsi tertentu dalam sesuatu bahasa. Bagi memudahkan pemerian sistem bunyi atau fonologi ini maka satu unit nahu yang dinamakan fonem telah diwujudkan. Manusia sebenarnya telah mengenal hakikat fonem sejak mereka mula pandai membentuk sistem ejaan. Sejak daripada itu, manusia telah mula mengkaji lambang-lambang yang digunakan untuk mendeskripsikan bunyi bahasa tersebut sehingga ke peringkat kajian secara saintifik. Hasilnya muncullah pelbagai teori dan aliran linguistik yang cuba menghuraikan dan memperjelaskan aspek-aspek fonologi yang berlaku.

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan beberapa aspek fonetik dialek utara (DU) yang dituturkan di Kampung Bukit Jambul dan dialek Charok Kudong (DCK) yang dituturkan di Kampung Charok Kudong di kawasan Pendang, Kedah. Aspek yang dibincangkan ialah inventori fonem dan proses fonologi yang melibatkan teori Fonologi Generatif.

## 2. Metodologi kajian

Pendekatan kualitatif digunakan untuk artikel ini. Kualitatif bermaksud sesuatu yang berdasarkan kualiti atau mutu dan bukan berdasarkan kuantiti (bersifat kuantitatif) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Perbezaan penting antara kajian kualitatif dan kuantitatif ialah kandungan kajian kualitatif berdasarkan perkataan manakala kajian kuantitatif pula menggunakan nombor. Kajian kualitatif bererti “satu pendekatan untuk meneroka dan memahami makna yang disifatkan oleh seorang individu atau sekumpulan tentang sesuatu masalah berkaitan kemanusiaan atau sosial (Creswell, 2014)”. Kajian kualitatif juga berfokus kepada memahami proses manusia menafsirkan pengalaman, membina kehidupan dan memberi makna kepada pengalaman tersebut (Merriam, 2009). Kajian ini menggunakan teori fonologi generatif.

Fonologi ialah salah satu bidang teras dalam linguistik yang mengkaji tentang struktur bunyi sesuatu bahasa. Sebagai satu bidang yang teoritikal, kajian tentang fonologi berlandaskan kepada sesuatu teori. Analisis bunyi dengan menggunakan pendekatan teori ini dapat membantu memperkembangkan ilmu linguistik secara umumnya dan linguistik Melayu khususnya termasuklah kajian ini.

Perkembangan fonologi telah mengalami satu perubahan yang besar apabila, Noam Chomsky dan Morris Halle pada tahun 1968 mempelopori bidang Fonologi Generatif dalam buku *The Sound Pattern of English (SPE)*. Pandangan ahli fonologi generatif ini adalah menganggap struktur bunyi sebagai sistem rumus yang mencerminkan kecekapan fonologi penutur natif yang ideal.

Kewujudan Teori Fonologi Generatif ini adalah untuk memformalisasikan kecekapan fonologi intrinsik seseorang penutur sebagai satu sistem rumus yang bertanggungjawab melahirkan representasi fonetik daripada struktur permukaan sintaksis dan dibantu oleh analisis non linear dalam proses tertentu.

Fonologi Generatif memperlihatkan kecekapan penutur dalam dua tingkat representasi, iaitu reperesentasi dalaman dan representasi luaran. Representasi dalaman seseorang penutur natif mengandungi maklumat idiosinkratik tentang penyebutan sesuatu morfem dalam ujaran. Sementara itu, representasi permukaan mengandungi maklumat yang boleh diramalkan dan sistematik. Hal ini bermaksud, representasi dalaman merujuk kepada perwakilan yang abstrak, iaitu tahap fonemik. Manakala representasi luaran ialah penyebutan bunyi oleh penutur iaitu tahap fonetik. Kedua-dua inilah yang mendasari analisis Fonologi Generatif.

Rumus fonologi ini juga berperanan menukar bentuk dasar dalam representasi dalaman ke bentuk fonetik dalam representasi permukaan. Rumus fonologi bukan sahaja menyatakan dalam bentuk segmen, tetapi diformalisasikan dalam bentuk fitur distigif. Proses fonologi terlaksana ke atas sekumpulan segmen yang berada dalam satu kelas alamniah, misalnya [m,n,ɳ,ڻ] berada dalam kelas alamiah [+nasal]. Rumus ini juga dilaksanakan mengikut aturan rumus.

## 2.1 Pemilihan sampel kajian

Reka bentuk kajian pula ialah analisis kandungan. Analisis kandungan bertujuan menganalisis dokumen-dokumen dengan prosedur yang sistematik bagi menjelaskan kandungan sesebuah komunikasi. Fokus utamanya ialah mengukur kekerapan dan kepelbagaiannya mesej untuk mengesahkan hipotesis (Merriam, 2009). Dalam kajian ini, terdapat beberapa kaedah yang digunakan, iaitu merangkumi kaedah lapangan, kaedah kepustakaan dan kaedah pemerhatian. Kaedah yang dijalankan bertujuan untuk menghuraikan permasalahan kajian. Kaedah yang digunakan juga merujuk kepada kaedah kualitatif untuk mengumpul data yang tertumpu kepada penghuraian tajuk yang dikaji secara deskriptif.

Pemilihan sampel kajian ini adalah melibatkan kepada umur, keadaan organ pertuturan, penguasaan bahasa, jantina, kelas sosial, kedudukan dalam komuniti, pengetahuan tentang budaya komuniti, sikap terhadap penyelidikan dan hubungan dengan ahli komuniti lainnya serta jumlah.

## 3. Perbincangan

### 3.1 Pengenalan

Dialek Charok Kudong merupakan satu dialek yang lebih banyak bersumberkan dari Patani, Siam dan memperlihatkan perbezaan yang agak ketara dengan dialek Utara terutamanya dalam bidang fonologi. Unsur- unsur perbezaan ini berbeza antara dialek dahulu dengan sekarang kerana berlakunya kemasukan penutur-penutur dialek Charok Kudong ke dialek Utara dan begitulah sebaliknya. Oleh sebab itulah, wujudnya situasi pertembungan yang lebih erat.

Dialek Charok Kudong terutamanya golongan luaran telah banyak dan telah lama menyerapkan unsur dialek Utara ke dalamnya sehingga dialek Charok Kudong kurang digunakan oleh penutur di kawasan kampung tersebut terutama sekali golongan muda. Namun perbezaan akan lebih ketara jika dibandingkan dengan golongan pedalaman. Keadaan ini disebabkan golongan dewasa terasing dari pengaruh dialek Utara.

Dalam objektif ini, pengkaji akan memperlihatkan perbezaan antara dialek Charok Kudong dan dialek Utara. Huraian akan ditumpukan pada golongan dewasa kerana masih mengekalkan penggunaan dialek Charok Kudong yang asli.

### 3.2 Membandingkan penyebaran inventori fonem vokal dan konsonan DU dan DCK

Inventori fonem merujuk kepada senarai fonem yang bersifat dalaman yang wujud dalam sesuatu bahasa. Oleh itu, inventori fonem ini tidak terdapat dalam segmen-semen terbitan, pinjaman, yang penyebarannya terhad, dan yang mudah diramal kehadirannya, dan tidak termasuk dalam inventori fonem. Inventori fonem ini terbahagi kepada dua, iaitu inventori fonem konsonan dan inventori fonem vokal.

### 3.3 Penyebaran inventori fonem vokal

Berdasarkan ciri fonologi, inventori vokal lazimnya disusun berdasarkan posisi lidah di dalam rongga oral, iaitu tinggi, tengah (di antara tinggi dan rendah), rendah, secara melintang, manakala depan, tengah (di antara depan dan belakang), dan belakang, disusun secara menegak seperti yang ditunjukkan di bawah.

Rajah 4: Inventori vokal

i	u
e	ə
a	o

Data DCK dan DU menunjukkan bahawa kesemua fonem vokal seperti [i], [e], [ə], [o], [u] boleh menduduki sama ada di posisi suku kata pada awal kata, akhir kata (suku kata akhir terbuka), suku kata awal (selepas onset) dan suku kata akhir tertutup, kecuali fonem vokal tengah /ə/. Vokal tengah /ə/ hanya boleh menduduki nukleas dalam suku kata awal yang didahului dengan onset.

### 3.3.1 Vokal depan

#### i) Vokal depan sempit [ i ]

Vokal depan sempit [i] dihasilkan apabila hujung lidah dinaikkan setinggi yang boleh ke hadapan sewaktu kedua-dua bibir berada dalam keadaan leper dan dibuka sempit. Lelangit lembut diangkat rapat kepada belakang tekak dan menutup rongga hidung. Pita suara akan bergetar setelah udara keluar melalui rongga mulut. Manakala lidah berada dalam kedudukan paling tinggi dalam rongga mulut dan bibir pula berada dalam keadaan terhampar.

Penggunaan vokal ini terdapat dalam kedua-dua dialek yang wujud dalam suku kata awal perkataan dan suku kata akhir perkataan dalam dialek Utara (DU) dan juga dialek Charok Kudong (DCK).

Contohnya :

BMB	DCK	DU
/ibu/	[i.bu]	[i.bu]
/ikan/	[i.ke]	[i.kan]
/ubi/	[u.bi]	[u.bi]
/yugi/	[yu.gi]	[yu.gi]
/yo.ti/	[yo.ti]	[yo.ti]

Dari contoh di atas dapat dilihat bahawa vokal depan [i] hanya hadir pada suku kata awal dan suku kata akhir dalam kedua-dua dialek yang dikaji. Vokal sempit [i] juga hadir apabila kedudukan depan lidah diangkat berada bertentangan dengan lelangit keras.

#### ii) Vokal depan separuh sempit [ e ]

Vokal depan separuh sempit [e] terhasil dengan hujung lidah diturunkan satu pertiga di antara jarak kedudukan lidah bagi menghasilkan vokal depan sempit dengan vokal depan luas ke hadapan semasa kedua-dua bibir dibuka separuh sempit dan berbentuk leper.

Rongga hidung ditutup setelah lelangit lembut diangkat rapat ke belakang tekak. Sementara itu, pita suara digetarkan oleh udara yang keluar melalui rongga mulut. Oleh itu, bibir pada waktu ini berada dalam keadaan terhampar dan pembukaan bibir agak sederhana sewaktu melafazkan bunyi ini. Penggunaan vokal [e] ini dapat hadir dalam kedua-dua dialek yang dikaji.

Contohnya :

BMB	DCK	DU
/bilik/	[bi.le?]'	[bi.le?]'
/itik/	[i.te?]'	[i.te?]'
/betik/	[bə.te?]'	[bə.te?]'
/pilih/	[pi.leh]	[pi.leh]
/kasih/	[ka.seh]	[ka.seh]

Dalam contoh di atas dapat dilihat kewujudan penggunaan vokal depan separuh sempit [e] pada suku kata awal dan suku kata akhir dalam perkataan.

### 3.3.2 Vokal belakang

#### i) Vokal belakang separuh sempit [ o ]

Vokal belakang separuh sempit [o] pula terhasil apabila belakang lidah diturunkan sedikit daripada titik yang paling tinggi semasa melafazkan bunyi [u]. Rongga hidung akan tertutup setelah lelangit lembut diangkat rapat kepada belakang tekak dan hal ini akan menyebabkan pita suara bergetar kerana udara keluar melalui rongga mulut. Bibir akan berada dalam keadaan separuh sempit dan kedua-dua bibir berbentuk bundar.

Dalam DCK dan DU, vokal belakang separuh sempit [o] ini wujud dalam suku awal dan suku kata akhir. Ini dapat dilihat dalam contoh di bawah :

BMB	DCK	DU
/buγuk/	[bu.yo?]	[bu.øo?]
/bubuy/	[bu.bo]	[bu.boç]
/beyuk/	[bə.yo?]	[bə.øo?]
/buγuh/	[bu.yoh]	[bu.øoh]
/kosonj/	[ko.sonj]	[ko.sonj]
/bentuk/	[bə.to?]	[bən.to?]

Dalam contoh di atas dapat dilihat bahawa vokal belakang tinggi [u] akan berubah menjadi vokal belakang separuh sempit [o] apabila berada di belakang kedudukan lidah. Kedudukan lidah yang tinggi akan berubah menjadi separuh tinggi dalam kedua-dua dialek ini. Vokal belakang separuh sempit [o] juga hadir pada suku kata akhir dan diakhiri dengan konsonan plosif, getaran dan juga frikatif.

#### ii) Vokal belakang sempit[ u ]

Vokal belakang sempit [u] pula dihasilkan dengan menaikkan belakang lidah setinggi mungkin semasa kedua-dua bibir berbentuk bundar dan separuh sempit. Oleh itu, tiada sekatan udara yang berlaku dan rongga hidung ditutupi oleh lelangit lembut yang diangkat rapat kepada belakang tekak. Pita suara digetarkan oleh udara yang keluar melalui rongga mulut.

BMB	DCK	DU
/ulat/	[u.la◻]	[u.la◻]
/pasu/	[pa.su]	[pa.su]
/unta/	[un.ta]	[un.ta]
/sapu/	[sa.pu]	[sa.pu]
/suka/	[su.ka]	[su.ka]
/duka/	[du.ka]	[du.ka]

Contoh di atas menunjukkan penggunaan vokal belakang sempit [u] terjadi apabila kedudukan belakang lidah berada bertentangan dengan lelangit keras. Vokal belakang sempit [u] juga hadir dalam kedua-dua dialek yang dikaji sama ada pada suku kata yang awal dan juga suku kata yang akhir dalam sesuatu perkataan.

### 3.3.3 Vokal tengah [ə]

Vokal tengah ialah bunyi vokal yang mana lidah terletak di antara vokal luas dan vokal sempit.

BMB	DCK	DU
/teŋah/	[tə.ŋah]	[tə.ŋah]
/tenaŋ/	[tə.neŋ]	[tə.naŋ]
/tetap/	[tə.tap]	[tə.tap]
/tempat/	[tə.paʔ]	[təm.paʔ]
/tendawan/	[tən.da.wəŋ]	[tən.da.wan]

Penggunaan vokal tengah [ə] dalam DCK dan DU wujud dalam suku kata awal perkataan. Vokal ini berhasil apabila tengah lidah menghasilkan bunyi di sempadan di antara lelangit keras dengan lelangit lembut.

### 3.4 Inventori fonem konsonan

Dalam inventori fonem konsonan terdapat dua pendapat yang berbeza tentang jumlah konsonan. Perbezaan pendapat itu merangkumi aspek inventori fonem konsonan DK dari segi jumlah dan kedudukan alat ujarannya. Oleh itu, pengkaji menyamakan jumlah konsonan DK dengan DCK kerana terdapat bunyi konsonan yang sama dalam kedua-dua dialek.

**Rajah 2:** Inventori fonem konsonan DCK dan DU

Letupan	p b	t d	k ʈʃ	h
Geseran		s	ʃ ɖʒ	
Sengau	m	n	ɳ	χ
Likuida		l	ɬ	

Dalam rajah inventori fonem konsonan yang di atas menunjukkan 16 fonem konsonan dalam DCK dan DU. Dari segi kedudukan, pada umumnya kedudukan inventori konsonan seperti rajah di atas adalah sama dengan kedudukan inventori konsonan yang dikemukakan oleh ahli bahasa struktural, kecuali bagi fonem /ɬ/ yang diletakkan bersama /l/ dalam likuida, sedangkan dalam analisis struktural, fonem /ɬ/ diletakkan pada posisi frikatif velar bersuara berdasarkan ciri-ciri fonetik yang ada pada fonem tersebut.

Topik ini akan membincangkan bagaimana penyebaran fonem dalam kedua-dua dialek. Penyebaran fonem ini melibatkan bunyi konsonan yang berada di titik artikulasi dua bibir, gigi-gusi, lelangit keras, lelangit lembut dan pita suara atau glotal. Penyebaran fonem konsonan ini dapat dilihat dalam contoh yang berikut:

### 3.5 Konsonan

Dalam DCK, terdapat 21 fonem konsonan, DU pula mempunyai 24 fonem konsonan. Fonem [x] dan [?] yang terdapat dalam DU ini bukan tidak terdapat dalam DCK tetapi dalam DCK, fonem ini lebih merupakan bunyi manginal daripada bunyi-bunyi yang distingtif. Di samping dua konsonan ini, terdapat beberapa konsonan lain yang berbeza. Perbezaan itu dapat ditinjau dari segi penyebaran dan ciri suprasegmental yang ada pada mereka juga dapat ditinjau dari segi peralihan mereka kepada bunyi lain jika dibandingkan dengan BMB.

#### i) Letupan tak bersuara /p/

Letupan bibir tak bersuara [p] akan berhasil daripada pita suara tak bergetar semasa udara dilepaskan. Ini dapat dilihat seperti data di bawah:

BMB	DCK	DU
/pasu/	[pa.su]	[pa.su]
/paya <sup>g</sup> /	[pa.yε]	[pa.∅a <sup>g</sup> ]
/atap/	[a.tap]	[a.tap]
/paku/	[pa.ku]	[pa.ku]
/depan/	[də.pε]	[də.pan]
/sedap/	[sə.dap]	[sə.dap]

Dalam contoh yang di atas, penyebaran konsonan ini terjadi sama ada di awal suukata mahupun di akhir suku kata.

#### ii) Letupan bersuara /b/

Letupan bibir bersuara [b] terhasil apabila pita suara bergetar semasa udara dilepaskan seperti data di bawah ini.

BMB	DCK	DU
/basi/	[ba.si]	[ba.si]
/beyat/	[bə.yat]	[bə.∅at]
/tebal/	[tə.bal]	[tə.baj]
/badak/	[ba.da <sup>g</sup> ]	[ba.da <sup>g</sup> ]
/beyok/	[bə.yo <sup>g</sup> ]	[bə.∅o <sup>g</sup> ]
/sebab/	[sə.bab]	[sə.bab]

Dalam contoh yang di atas, pengkaji telah menunjukkan penyebaran bunyi konsonan letupan bersuara /b/ yang berlaku pada awal suku kata dan terdapat juga data yang menunjukkan berlakunya bunyi konsonan /b/ ini pada akhir suku kata.

#### iii) Sengauan /m/

Konsonan sengauan dua bibir bersuara [m] terhasil apabila bibir bawah dirapatkan ke bibir atas dan udara melalui rongga hidung disebabkan oleh lelangit lembut di pita suara digetarkan semasa melafazkan bunyi [m] yang terhasil dalam DCK dan DU seperti data di bawah ini.

BMB	DCK	DU
/masa/	[ma∅.sa]	[ma∅.sa]
/malas/	[ma.∅lah]	[ma∅.las]
/kumba <sup>g</sup> /	[kum.be]	[kum.ba <sup>g</sup> ]
/musa <sup>g</sup> /	[mu∅.se]	[mu∅.sa <sup>g</sup> ]
/demam/	[də.me∅]	[də.ma∅m]
/tanam/	[ta.nε∅]	[ta.na∅m]
/malam/	[ma∅.lε]	[ma∅.lam]
/masam/	[ma∅.se]	[ma∅.sam]

Penyebaran konsonan sengauan ini terjadi pula apabila dua bibir ditemukan dan menghasilkan sengauan /m/. Sengauan ini terjadi sama ada di suku kataawal, suku kata tengah mahupun di akhir kata seperti contoh yang di atas.

#### iv) Letupan tak bersuara /t/

Bagi konsonan letupan gusi [t] dan [d] boleh terhasil apabila udara dari paru-paru yang disekat oleh lidah dibebaskan serta merta setelah hujung lidah dirapatkan ke gusi. Oleh itu, letupan gusi tak bersuara [t] terhasil apabila tiada getaran pita suara seperti dalam data di bawah.

BMB	DCK	DU
/tanam/	[ta.nəm]	[ta.nəm]
/tempat/	[tə.paθ]	[təm.paθ]
/hitam/	[hi.te]	[hi.tam]
/dekat/	[də.kaθ]	[də.kaθ]
/tepi/	[tə.pi]	[tə.pi]
/kasut/	[ka.soθ]	[ka.soθ]

Dalam contoh di atas, bunyi konsonan yang diberikan merangkumi bunyi konsonan letupan pada awal suku kata dan akhir suku kata.

#### v) Letupan bersuara /d/

Letupan gusi bersuara [d] yang berlaku dalam kedua-dua dialek dikaji pula terhasil apabila pita suara bergetar.

BMB	DCK	DU
/daʃu/	[da.ʃu]	[da.ʃu]
/dada/	[da.da]	[da.da]
/dahi/	[da.hi]	[da.hi]
/dalam/	[da.lə]	[da.lam]

Seperti contoh di atas, penyebaran letupan bersuara /d/ ini terjadi pada suku kata awal dalam DCK dan DU. Namun dalam konsonan /d/ ini, ia jarang berlaku di akhir kata asli Melayu dan hanya wujud dalam representasi dalaman bahasa pinjaman. Tidak banyak data yang diperolehi menunjukkan terdapatnya bunyi konsonan /d/ di akhir kata.

#### vi) Sengauan /n/

Sengauan gusi bersuara [n] terhasil apabila hujung lidah dirapatkan kepada gusi dan pita suara bergetar semasa bunyi dilafazkan.

BMB	DCK	DU
/nama/	[na.ma]	[na.ma]
/naʃa/	[na.ʃa]	[na.ʃa]
/sabun/	[sa.bon]	[sa.bon]
/ikan/	[i.kən]	[i.kan]

Daripada contoh di atas, pengkaji telah memberikan contoh penyebaran konsonan sengauan /n/ yang terdapat pada awal suku kata dan akhir suku kata dalam DCK dan DU.

#### vii) Sisian /l/

Melalui kiri dan kanan lidah, udara akan dilepaskan dan bunyi sisian akan terhasil. Sementara itu, hujung lidah diangkat ke tengah gusi dan lelangit lembut pula dirapatkan ke belakang rongga tekak. Pita suara akan bergetar ketika udara dilepaskan dari paru-paru melalui sisi kanan dan kiri lidah seperti yang berlaku dalam data di bawah ini.

BMB	DCK	DU
/landak/	[lan.daθ]	[lan.daθ]
/layi/	[la.yi]	[la.yi]
/bila/	[bi.la]	[bi.la]
/lambat/	[lam.baθ]	[lam.baθ]
/ʃaʃkul/	[ʃaʃ.kul]	[ʃaʃ.koy]
/bantal/	[ban.tal]	[ban.tay]

Penyebaran sisian /l/ yang berlaku dalam DCK dan DU seperti contoh diatas, pengkaji telah memberikan contoh yang menunjukkan penyebaran konsonan ini berlaku pada awal suku kata, tengah suku kata dan akhir suku kata dalam dialek tersebut.

### viii) Geseran tak bersuara /s/

Seperti data di bawah ini, geseran tak bersuara [s] terhasil apabila aliran udara tidak menyekat hujung lidah yang dirapatkan ke arah sempadan gusi lelangit keras dan menyebabkan geseran udara keluar daripada paru-paru.

BMB	DCK	DU
/saja/ <sup>§</sup>	[sa.je]	[sa.ja <sup>§</sup> ]
/suka/	[su.ka]	[su.ka]
/si <sup>§</sup> a/	[si. <sup>§</sup> a]	[si. <sup>§</sup> a]
/tikus/	[ti.kuh]	[ti.kujh]
/beyus/	[be.yuh]	[be. <sup>§</sup> ujh]
/seyi <sup>ŋ</sup> ala/	[sə.yi. <sup>ŋ</sup> a.la]	[sə. <sup>ŋ</sup> i. <sup>ŋ</sup> a.la]

Konsonan geseran tak bersuara /s/ yang terdapat dalam DCK dan DU dalam contoh di atas wujud dalam suku kata pada awal perkataan dan akhir perkataan.

### ix) Lelangit keras (sengauan /p/)

Lelangit keras ialah kawasan yang paling melengkung di dalam rongga mulut yang bertentangan dengan depan lidah. Lelangit keras bersempadan dengan gigi-gusi dan lelangit lembut. Letupan, sengau, sisian tak bergeser dan malaran tak bergeser mempunyai bunyi-bunyi yang bertitik artikulasikan lelangit keras. Namun, dalam DCK dan DU ini hanya terdapat penggunaan lelangit keras sengauan /p/ seperti contoh yang berikut:

BMB	DCK	DU
/namuk/	[na <sup>ŋ</sup> .mo <sup>ŋ</sup> ŋ]	[na <sup>ŋ</sup> .mo <sup>ŋ</sup> ŋ]
/bajak/	[ba.na <sup>ŋ</sup> ŋ]	[ba.na <sup>ŋ</sup> ŋ]
/minak/	[mi <sup>ŋ</sup> .na <sup>ŋ</sup> ŋ]	[mi <sup>ŋ</sup> .na <sup>ŋ</sup> ŋ]
/naman/	[na <sup>ŋ</sup> .m <sup>ŋ</sup> ŋ]	[na <sup>ŋ</sup> .ma <sup>ŋ</sup> ŋ]

Dalam contoh di atas, pengkaji memaparkan data penyebaran konsonan lelangit keras sengauan /p/ yang berlaku dalam kedua-dua dialek. Data di atas menunjukkan berlakunya sengauan /p/ di awal suku kata sahaja dan konsonan /p/ tidak boleh hadir di akhir kata.

### x) Lelangit lembut

Apabila belakang lidah menyentuh satu daerah di belakang lelangit keras, bunyi-bunyi lelangit lembut dihasilkan. Bunyi-bunyi letupan, sengau, geserandan malaran tak bergeser melibatkan titik artikulasi lelangit lembut. Antara titik artikulasi yang terdapat dalam DCK dan DU letupan tak bersuara /k/, letupan bersuara /ŋ/, sengauan /g/ dan geseran bersuara /ɣ/. Contohnya adalah seperti yang berikut:

### xi) Letupan tak bersuara /k/

Konsonan lelangit lembut [k] dan [ŋ] terhasil apabila lelangit lembut disentuh oleh bahagian belakang lidah yang dinaikkan dan menyebabkan udara yang terkeluar dilepaskan serta-merta. Sekiranya pita suara tidak bergetar disebabkan oleh perlepasan udara tersebut, maka letupan lelangit lembut tak bersuara [k] akan terhasil.

BMB	DCK	DU
/kakak/	[ka.ka <del>ɔ</del> ]	[ka.ka <del>ɔ</del> ]
/kelaway/	[kə.la.wa]	[kə.la.wa <del>ɔ</del> ]
/katak/	[ka.ta <del>ɔ</del> ]	[ka.ta <del>ɔ</del> ]
/kotoy/	[ko.to]	[ko.to <del>ɔ</del> ]
/biawak/	[be.wa <del>ɔ</del> ]	[be.wa <del>ɔ</del> ]
/betik/	[bə.te <del>ɔ</del> ]	[bə.te <del>ɔ</del> ]

Data di atas memaparkan berlakunya penyebaran konsonan lelangit lembut tak bersuara /k/ di awal suku kata dan di akhir suku kata dalam kedua-dua dialek.

#### xii) Letupan bersuara /ʃ/

Sementara itu, letupan lelangit lembut bersuara [ʃ] pula akan terhasil jika pita suara bergetar. Letupan bersuara [ʃ] ini juga terhasil dalam kedua-dua dialek seperti data di bawah.

BMB	DCK	DU
/ʃədʒah/	[ʃə.a.dʒah]	[ʃə.a.dʒah]
/ʃəeyam/	[ʃə.e.yə]	[ʃə.e.ʃam]
/ʃoulai/	[ʃou.laj]	[ʃou.laj]
/ʃayam/	[ʃə.a.yə]	[ʃə.a.ʃam]

Semua contoh yang diberikan dalam DCK dan DU di atas menunjukkan penyebaran konsonan letupan bersuara pada suku awal kata sahaja dan konsonan /ʃ/ tidak boleh hadir di akhir kata.

#### xiii) Sengauan /χ/

Sengauan lelangit lembut bersuara [χ] pula terhasil apabila belakang lidah diangkat dan dirapatkan kepada lelangit lembut dalam keadaan biasa yang menyebabkan udara melalui rongga hidung dan pita suara bergetar.

BMB	DCK	DU
/χaχa/	[χa.χ.χa.χ]	[χa.χ.χa.χ]
/deχan/	[də.χ.e.χ]	[də.χ.a.χn]
/χuaχ/	[χu.we]	[χu.waχ]
/tiχʃoi/	[tiχʃ.χoi]	[tiχʃ.χoi]
/ʃinχaχ/	[ʃin.χ.e]	[ʃin.χaχ]

Semua contoh yang diberikan dalam DCK dan DU di atas menunjukkan penyebaran konsonan sengauan /χ/ berlaku pada awal suku kata dan akhir suku kata dalam kedua-dua dialek.

#### xiv) Geseran bersuara /ɣ/

Dari segi fonetiknya, fonem konsonan /ɣ/ sebenarnya ialah frikatif velar bersuara. Tetapi ia dianggap sebagai mempunyai ciri likuida dari segi fonologinya.

BMB	DCK	DU
/χuaχ/	[χu.w <del>χ</del> ]	[χu.waχ]
/seyiχala/	[sə.e.i.χ.a.la]	[sə.χ.i.χ.a.la]
/buχuk/	[bu.χo <del>χ</del> ]	[bu.χo <del>χ</del> ]
/χusa/	[χu.sa]	[χu.sa]
/tiduχ/	[ti.do]	[ti.do <del>χ</del> ]
/pasιχ/	[pa.se]	[pa.sja <del>χ</del> ]

Dalam contoh di atas, pengkaji telah menunjukkan penggunaan geseran bersuara /y/ pada awal suku kata dan akhir suku kata dalam DCK dan DU.

#### xv) Pita suara (geseran/h/)

Bunyi konsonan geseran /h/ ini terjadi apabila udara yang keluar melalui pita suara disekat terus daripada keluar, dan menghasilkan bunyi /h/ dalam DCK dan DU sama ada di awal suku kata mahupun di akhir suku kata. Ini dapat dilihat pada contoh di bawah :

BMB	DCK	DU
/hela <sup>h</sup> /	[hə.lə] <sup>h</sup>	[hə.lə. <sup>h</sup> ]
/lebah/	[lə.bah]	[lə.bah]
/hasil/	[ha.se]	[ha.səl]
/haput/	[ha.nu <sup>h</sup> ] <sup>h</sup>	[ha.nu <sup>h</sup> ] <sup>h</sup>
/suyuh/	[su.yoh]	[su. <sup>h</sup> oh]

### 3.6 Segmen terbitan

Walaupun inventori segmen terbitan ini juga melibatkan konsonan dan vokal, namun perbincangan tentangnya perlu diasingkan bagi melihat perbezaan antara fonem dengan segmen terbitan secara lebih jelas. Dalam DCK dan DU, pengkaji akan menekankan tiga konsonan terbitan iaitu hentian glotis [] dan geluncuran [j, w].

#### i. Hentian glotis []

Hentian glotis [] tidak wujud dalam bentuk dalaman DCK, DU dan BMB. Ini dapat dibuktikan dengan menggunakan dua generalisasi fonologi yang utama. Pertama, melalui proses penyukuan semula merentas morfem yang bersifat regular di sempadan awalan kata dasar yang didorong oleh prinsip pematuhan onset minimal (Roca 1994) yang mensyaratkan setiap suku kata mestilah mempunyai onset. Kedua, penyebaran fonem dalam kata yang menolak pendapat (Teoh 1994) dan lain-lain menyatakan bahawa hentian glotis sebagai fonem, hanya atas dasar kewujudannya pada lingkungan awalan sahaja dan tidak pernah wujud badan posisi lain dalam kata (Zaharani 1999) yang dipetik dari (Adi Yasran 2005). Ini dapat dilihat seperti data di bawah:

BMB	DCK	DU
/bilik/	[bi.le <sup>h</sup> ]	[bi.le <sup>h</sup> ]
/itik/	[i.te <sup>h</sup> ]	[i.te <sup>h</sup> ]
/buyo <sup>h</sup> /	[bu.yo <sup>h</sup> ]	[bu. <sup>h</sup> o <sup>h</sup> ]
/bada <sup>h</sup> /	[ba.da <sup>h</sup> ]	[ba.da <sup>h</sup> ]
/søba <sup>h</sup> /	[sø.ba <sup>h</sup> ]	[sø.ba <sup>h</sup> ]

Berdasarkan data di atas, dapat dinyatakan bahawa konsonan terbitan hentian glotis ini hadir dalam kedua-dua dialek apabila berada di akhir kata.

#### ii. Geluncuran [j, w]

Seperti yang telah dinyatakan, geluncuran [j, w] dan hentian glotis [] bukan bersifat fonem. Pendapat ini pernah dikemukakan oleh Zaharani (1998) untuk menjelaskan fonem konsonan dalam BM. Menurut beliau, vokal tinggi BMB boleh bersifat silabik dan non-silabik. Ini ditentukan oleh posisinya dalam struktur suku kata. Segmen /i/ dan /u/ yang berada pada modus nucleus berfungsi sebagai vokal tinggi silabik dan direalisasikan sebagai vokal [i] dan [u]. Tetapi apabila hadir pada modus margin, iaitu pada onset atau pada koda segmen tersebut akan berfungsi sebagai vokal tinggi

non-silabik dan lazimnya direpresentasikan sebagai geluncuran [j] dan [w]. Oleh itu, berikut dinyatakan geluncuran yang berlaku dalam kedua-dua dialek.

BMB	DCK	DU
/sampai/	[sa.pe]	[sam.paj]
/pakai/	[pa.kε]	[pa.kaj]
/fabai/	[f'a.be]	[f'a.baj]
/pisau/	[pi.sa]	[pi.saw]
/hijau/	[hi.ja]	[hi.jaw]

Data di atas ini menunjukkan bahawa terdapat geluncuran yang wujud. Namun geluncuran yang wujud ini hanya berlaku dalam DU sahaja. Dalam DCK pula, hanya mengugurkan geluncuran yang ada. Oleh itu, data yang dipaparkan oleh pengkaji ini menunjukkan bahawa geluncuran berlaku dalam DU apabila berada di akhir kata.

#### 4. Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, dapat disimpulkan bahawa DCK yang dituturkan di kawasan Kampung Charok Kudong daerah Pendang di Kedah masih mampu bertahan dan dilestarikan penggunaannya walaupun terdapat pengaruh dialek lain di kawasan tersebut. Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan DCK masih lagi meluas di Kampung Charok Kudong dan penggunaan DU di Kampung Bukit Jambul. Walaupun DU ialah dialek utama di kawasan Pendang Kedah, namun penduduk Kampung Charok Kudong dilihat masih mempertahankan DCK dalam percakapan mereka sehari-hari.

Pada umumnya, dialek merupakan bentuk bahasa yang tidak standard dan berstatus rendah serta dituturkan oleh golongan petani, kelas pekerja rendah dan golongan bawahan. Walaupun terdapat pelbagai pandangan yang diberikan tentang dialek, tidak dapat dinafikan bahawa hasil pengkajian dialek banyak manfaatnya dalam pertumbuhan bahasa, khususnya dalam peristilahan. Kajian dialek juga bukan sahaja untuk perkembangan sosial dan politik tetapi juga untuk perkembangan budaya, ekonomi, kependudukan serta pendidikan. Oleh itu, kajian dialek sesuatu bahasa akan memberikan sumbangan yang sangat besar terhadap pengukuhan bahasa rasmi sesuatu negara.

Dialek-dialek dalam sesuatu bahasa mempunyai persamaan dan perbezaan satu sama lain. Kedua-duanya saling mempengaruhi. Persamaan membayangkan perkembangan yang berbeza yang dilalui oleh dialek masing-masing. Hal yang sama berlaku terhadap DCK dan DU di kawasan Pendang, Kedah.

Inventori fonem merujuk kepada senarai fonem yang bersifat dalaman yang wujud dalam sesuatu bahasa. Oleh itu, segmen-semen terbitan, pinjaman, yang penyebarannya terhad, dan yang mudah diramal kehadirannya, tidak termasuk dalam inventori fonem. Inventori fonem ini terbahagi kepada dua, iaitu inventori fonem vokal dan inventori fonem konsonan.

Inventori fonem vokal pula lazimnya disusun berdasarkan posisi lidah di dalam rongga oral, iaitu tinggi, tengah (di antara tinggi dan rendah), rendah, secara melintang, manakala depan, tengah (di antara depan dan belakang), dan belakang, disusun secara menegak. Penyebaran inventori fonem vokal ini berdasarkan data yang diperoleh daripada informan di Kampung Bukit Jambul yang menuturkan dialek Utara dan informan dari Kampung Charok Kudong yang menuturkan dialek Kelantan di kawasan Pendang Kedah. Dalam hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji, pengkaji

telah memasukkan beberapa vokal dan data penyebarannya untuk melihat penyebaran vokal dalam kedua-dua dialek.

Antara penggunaan vokal yang dikaji oleh pengkaji adalah seperti vokal depan sempit [i], vokal depan separuh sempit [e], vokal belakang separuh sempit [o], vokal belakang sempit [u], dan vokal tengah [ə]. Vokal yang hadir dalam kedua-dua dialek dikaji mempunyai data penyebaran yang berbeza. Hal ini kerana ada juga vokal yang hadir pada awal suku kata dan ada juga vokal yang hadir pada akhir kata. Namun terdapat juga vokal yang hadir pada tengah kata.

Selain itu, pengkaji juga telah menjelaskan maksud inventori fonem konsonan yang terhad jumlah kehadiran fonem konsonan ini. Pengkaji juga telah memasukkan sedikit data yang berkaitan dengan fitur distingtif untuk melihat kehadiran konsonan dalam kedua-dua dialek. Namun, tidak semua konsonan dimasukkan dalam kajian ini. Pengkaji hanya memfokuskan beberapa konsonan untuk dikaji dan dilihat penyebaran konsonan tersebut.

Antara data penyebaran konsonan yang dikaji oleh pengkaji termasuklah bunyi konsonan yang berada di titik artikulasi dua bibir, gigi-gusi, lelangit keras, lelangit lembut dan pita suara atau glotal. Penyebaran fonem konsonan dua bibir ini terjadi apabila kedua-dua bibir ini terlibat semasa menghasilkan bunyi letupan tak bersuara /p/ dan letupan bersuara /b/. Selain itu, terdapat juga bunyi sengauan /m/ yang terhasil dalam titik artikulasi ini. Gigi-gusi pula terletak di antara gusi dan lelangit keras. Ia dapat menghasilkan bunyi letupan, sengau, sisian bergeser, sisian tak bergeser, getaran ,tamparan, geseran dan malaran tak bergeser. Namun, dalam kajian ini, terdapat beberapa bunyi konsonan seperti /t, d, n, l, dan s/ yang wujud dalam DCK dan juga DU. Selain itu, terdapat juga letupan, sengau, sisian tak bergeser dan malaran tak bergeser mempunyai bunyi-bunyi yang bertitik artikulasikan lelangit keras. Namun, dalam DCK dan DU ini hanya terdapat penggunaan lelangit keras sengauan /n/.

Antara titik arikulasi yang terdapat dalam DCK dan DU ialah letupan tak bersuara /k/, letupan bersuara /g/, sengauan /χ/ dan geseran bersuara /γ/. Akhir sekali ialah inventori fonem konsonan geseran /h/ ini terjadi apabila udara yang keluar melalui pita suara disekat terus daripada keluar. Maka, ia telah menghasilkan bunyi /h/ dalam DCK dan DU. Pengkaji juga turut mengkaji dari aspek segmen terbitan yang ada dalam DCK dn DU seperti hentian glotis [⇨] dan geluncuran [j,w].

## 5. Rujukan

- Abdullah Hassan. (1966). *Perbandingan tatabunyi antara dialek Kedah dengan dialek Perak*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Abdul Hamid Mahmood. (1971). Fonem dialek Kelantan. *Latihan Ilmiah*. Universiti Malaya.
- Abdul Hamid Mahmood. (1994). *Sintaksis Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi Yasran bin Abdul Aziz. (2005) (a). Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori Optimaliti. *Tesis Doktor Falsafah*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adi Yasran bin Abdul Aziz. (2005) (b). Inventori Konsonan Dialek Melayu Kelantan: Satu Penilaian Semula. *Jurnal Pengajaran Melayu*:Jilid 16. Akademi Pengajaran Melayu. Universiti Malaya.
- Ajib Che Kob. (1977). *Dialek Geografi Pasir Mas: Fonologi dan Leksikal*. Tesis sarjana. Pusat Bahasa, Universiti Malaya.
- Ajib Che Kob.(1985). *Dialek Geografi Pasir Mas*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Haji Omar. (1970). *Bahasa Melayu Standardsasi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1977). *Kepelbagaiannya fonologi dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayatrohaedi. (1979). *Dialektologi: Sebuah Pengantar*. Jakarta: Pusat Pengembangan Bahasa Department, Pendidikan dan Kebudayaan.
- Chamber, J.K and Peter Trudgil. (1990). *Dialektologi* (diterjemahkan oleh: Anuar Ayub). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (1986). *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (1985). *Fonologi dialek Melayu dan Rekonstruksi Bahasa Melayu induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid M.Onn. (pnyt). (1988). *Bunga Rampai fonologi bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Farid M.Onn dan Ajib Che Kob (eds) .(1993). *Simponim Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*.(1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mangantar Simujuntak. (1980). *Aspek Bahasa dan Pengajaran*. Kuala Lumpur. Sarjana Enterprise.
- Nik Safiah Karim. (1965). Loghat Melayu Kelantan. *Tesis Sarjana*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nik Safiah Karim. (1966). Loghat Kelantan: Huraian fonologi dan cacatan pendek mengenai sifat-sifat umum. *Dewan Bahasa* 10 (6): 258-264.
- Nik Safiah Karim. (1967). Loghat Kelantan: Huraian Fonologi dan cacatan pendek mengenai sifat-sifat umum. *Dewan Bahasa* 10(6):258-264.
- Nik Safiah Karim. (1985). Dialek Kelantan- satu lambang sosio-budaya wilayah. Dlm. Nik Safiah Karim & Wan Abdul Kadir Yusoff (pnyt). *Kelantan dalam perspektif sosio-budaya*, hlm 121-130. Kuala Lumpur: Jabatan bahasa Melayu, Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (1987). *Pemerian Tentang Kajian Fonologi Dialek Melayu*, dalam Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka, April: Kuala Lumpur.
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suriati Subahir. (2007). *Perbandingan leksikal bahasa orang Asli Seletar dan Bahasa Melayu*. Latihan ilmiah. Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Teoh Boon Seong & Yeoh Chiang Kee. (1988). Fonem vokal nasal dalam dialek Kelantan. Dlm. Farid M.Onn (pnyt). *Bunga rampai fonologi Bahasa Melayu*, hlm. 91-98.Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Zaharani Ahmad. (1989). *Dialektologi Generatif dan Kepelbagaiannya dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. (1996). Teori optimaliti dan analisis deretan vokal bahasa Melayu. *Dewan Bahasa* 40 (6):512-527.
- Zaiton Yazid. (1999). *Fonologi dan Leksikal bahasa orang Asli Jahai: Suatu kajian kes di perkampungan Pos Rual Jeli Kelantan*. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Zulkifley Hamid & Ramli Md. Salleh & Rahim Aman. (2007). *Linguistik Melayu* Edisi Kedua. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.